

WINCARDIA Dispersible Tablet

Aspirin/Glycine (100mg/45mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WINCARDIA
2. Bagaimana WINCARDIA berfungsi
3. Sebelum mengambil WINCARDIA
4. Cara mengambil WINCARDIA
5. Semasa menggunakan WINCARDIA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan WINCARDIA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan WINCARDIA

WINCARDIA digunakan untuk strok mini, pencegahan sekunder bagi serangan jantung, pencegahan terhadap strok dan pembekuan darah.

Bagaimana WINCARDIA berfungsi

Aspirin mempunyai sifat analgesik, anti-radang, dan antipiretik. Glycine berfungsi untuk mengurangkan kerengsaan gastrik.

Sebelum menggunakan WINCARDIA

-Bila tidak boleh menggunakan

- Tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.
- Jangan ambil:
- jika anda alah kepada aspirin atau mana-mana formulasinya.
 - jika anda mengalami masalah darah tidak membeku dengan baik & gout.
 - jika anda mengalami ulser di dalam perut atau usus kecil.
 - jika anda dirawat dengan Nonsteroidal Antiinflammatory Drugs (NSAID).

-Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan menyusukan anak

- Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.
- Hanya diambil jika perlu.
- Penggunaan semasa trimester kehamilan ketiga harus dielakkan.
- Elakkan penggunaan oleh ibu yang menyusukan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan WINCARDIA mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh WINCARDIA atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

Ia mungkin berinteraksi dengan:

- Antikoagulan (e.g. coumarin, heparin) - mencegah pembekuan darah.
- *Platelet aggregation inhibitors* lain (e.g. Ticlopidine, Clopidogrel) - peningkatan risiko pendarahan.
- Produk yang mengandungi kortison, Alkohol, Non-steroidal Anti-inflammatory Drugs (NSAIDs) dan Selective Serotonin Re-uptake (ubat tertentu untuk rawatan kemurungan) - peningkatan risiko ulser gastrousus dan pendarahan.
- Antidiabetik: tahap glukosa darah dapat dikurangkan.
- Digoxin (ubat untuk menguatkan degupan otot jantung).
- Methotrexate (ubat yang digunakan untuk merawat kanser dan gangguan reumatik tertentu).
- Asid valproic (ubat yang digunakan untuk merawat sawan).
- Antibiotik tertentu (e.g. Kombinasi sulphonamides dan sulphonamide, e.g. Sulphamethoxazole / trimethoprim).
- Triiodothyronine (ubat untuk merawat hipotiroidisme).

Cara mengambil WINCARDIA

Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan WINCARDIA seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

-Dos biasa

Dewasa: 1 tablet sehari atau mengikut keperluan.

WINCARDIA tidak boleh digunakan pada kanak-kanak atau remaja.

Tablet boleh dilarutkan di dalam air sebelum diambil atau ditelan keseluruhan.

Kerengsaan gastrik boleh dikurangkan dengan mengambil dos selepas makan.

Pastikan tablet hanya dikeluarkan dari lepuh apabila perlu digunakan disebabkan sifat penyerapan dan mudah larut tablet WINCARDIA.

Jangan pindahkan ubat ini ke dalam kotak pil atau bekas lain untuk memudahkan penggunaan (kualiti produk mungkin merosot).

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan WINCARDIA seperti yang dicadangkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan WINCARDIA dengan dos yang tinggi mungkin menyebabkan:

Kesan biasa:

- Deringan di telinga, gangguan pendengaran, sakit kepala dan rasa pening.

WINCARDIA Dispersible Tablet

Aspirin/Glycine (100mg/45mg)

Kesan teruk:

- Demam, bernafas cepat, ketosis (lemak tersimpan dipecahkan untuk menghasilkan tenaga), masalah pernafasan, kandungan asid tinggi dalam badan, koma, serangan jantung, kegagalan pernafasan, tahap glukosa rendah yang teruk.

Semasa menggunakan WINCARDIA

-Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan WINCARDIA.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi WINCARDIA dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan WINCARDIA terhadap anda.
- Elakkan makanan dan minuman Yang mengandungi alkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, WINCARDIA boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika simptom berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Kesan Neurologi: Sakit kepala, pening, keupayaan pendengaran yang cacat, deringan di telinga.
- Kesan hematologi: Pendarahan, cth. Hidung berdarah atau gusi berdarah,

dengan masa pendarahan yang panjang.

- Kesan Dermatologik: tindak balas hipersensitiviti seperti tindak balas kulit.
- Kesan Hati: Peningkatan bacaan.
- Kesan Buah Pinggang: Perkara yang sangat jarang berlaku pada buah pinggang dan kegagalan buah pinggang akut.
- Otik: deringan di telinga
- Pernafasan: Bronkospasme
- Lain-lain: Bengkak di bawah kulit, sindrom Reye

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan WINCARDIA

-Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C di tempat yang dingin dan kering. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhi ubat dari kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah- langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet larut yang bulat, bewarna putih ke kurang putih, dengan "100" timbul di atas dan "W" timbul di bahagian bawah. Ia menjadi cecair keruh selepas dilarutkan di dalam air.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Aspirin 100mg, Glycine 45mg

- Bahan-bahan tidak aktif
Corn Starch, Mannitol, Colloidal Anhydrous Silica, Microcrystalline Cellulose dan Sodium Saccharin.

-Nombor MAL

MAL19046016X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1, 11900 Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

02/04/2024

Nombor Siri

NPRA(R2/3)230213/1011